

SEMINAR & MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN

MALAYSIAN CIVIL ENGINEERING STANDARD METHOD
OF MEASUREMENT (MYCESMM)

PADA

27 OGOS 2015

DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC),
KUALA LUMPUR

DIRASMIKAN DAN DISAKSIKAN OLEH
YANG BERTHORMAT DATUK HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera, Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Seminar dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman *Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* (MyCESMM).

2. Saya berasa berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan seminar ini dan bertemu dengan penggiat industri pembinaan yang hadir pada hari ini. Tahap pembangunan fizikal negara yang boleh dibanggakan pada hari ini merupakan manifestasi keupayaan dan kapasiti yang dimiliki oleh para penggiat industri pembinaan di negara kita.

Para hadirin sekalian,

3. Industri pembinaan adalah antara penyumbang terbesar dalam perkembangan ekonomi serta pembangunan negara. Nilai serta jumlah projek-projek pembinaan yang sedang di jalankan adalah amat memberangsangkan. Ini berikutan pelaburan Kerajaan dan syarikat swasta dalam projek-projek

pembinaan di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara. Nilai projek pembinaan pada tahun 2014 adalah sebanyak 157 billion ringgit dengan jumlah 7,628 projek pembinaan yang direkodkan. Daripada jumlah ini, 21 peratus atau 32 billion ringgit adalah projek-projek infrakstruktur, iaitu projek-projek kejuruteraan sivil, manakala 27 peratus atau RM43 billion adalah projek-projek perumahan, 47 peratus atau RM74 billion adalah projek-projek bukan perumahan dan 5 peratus atau RM8 billion merupakan projek kemudahan sosial.

4. Pada pertengahan pertama tahun ini, nilai projek pembinaan yang direkodkan adalah RM39 billion dengan 2,183 projek. Nilai ini adalah setara dengan yang dicapai pada pertengahan pertama tahun lepas, iaitu RM39 billion, dengan jumlah projek sebanyak 2,203. Secara keseluruhannya, pertumbuhan sektor ini dipacu oleh permintaan domestik yang tinggi untuk membina lebih banyak infrastruktur moden selaras dengan hasrat negara menjadi negara maju.

Para Hadirin sekalian,

5. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 pula, salah satu daripada teras strategik yang telah dirangka adalah Memperkukuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan

Ekonomi. Teras ini menunjukkan betapa pentingnya sumbangan industri pembinaan di dalam membolehkan sektor ekonomi lain membangun dengan pesat.

6. Subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman akan terus kukuh sejajar dengan pelaksanaan projek utama seperti Lebuhraya Pan Borneo, Projek Jalan *Central Spine*, Projek Lebuhraya Pantai Barat dan pembinaan rangkaian jalan di Kompleks Petroleum Bersepadu (RAPID) di Pengerang, Johor.

7. Pembangunan infrastruktur adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, elektrik dan air bersih. Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan memudahkan pergerakan orang dan barangan dengan lebih lancar. Di samping itu, infrastruktur yang cekap dapat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Oleh itu, infrastruktur yang baik menjadi asas kepada penyertaan sosial serta perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Pelaburan baharu dalam pembinaan jalan raya, rel dan perkhidmatan udara akan diimbangi oleh usaha untuk

menambah baik tahap produktiviti, kecekapan dan perkhidmatan bagi infrastruktur berkenaan.

8. Kementerian Kerja Raya, melalui CIDB telah menyediakan Program Transformasi Industri Pembinaan atau CITP, yang dijangka akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September bersempena dengan *International Construction Week 2015*. Pelan strategik CITP ini antara lain menekankan peningkatan tahap profesionalisme industri pembinaan negara termasuk juga pelaksanaan *the Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* atau dikenali sebagai MyCESMM.

Para Hadirin sekalian,

9. Objektif utama MyCESMM adalah untuk menggalakkan penggiat industri menerapkan amalan terbaik dalam penyeragaman pengukuran kerja-kerja sivil mengikut satu standard bagi mengurangkan kekeliruan mengenai kaedah pengukuran, kaedah huraian dan definasi serta kaedah liputan kerja bagi setiap item yang dihargaikan.

10. Bagi memastikan kesemua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan efektif dan mencapai *value for money*, pengadaptasian amalan baik perlu diterapkan bukan sahaja

dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan fasa sesebuah projek tetapi juga di peringkat perolehan projek tersebut.

11. Di samping itu, salah satu aspek yang penting bagi kejayaan sesebuah projek pembinaan adalah keupayaan pasukan projek atau pihak-pihak yang berkaitan untuk berkomunikasi secara berkesan. Perkara ini adalah sangat penting kerana sesuatu kerja pembinaan melibatkan penglibatan pelbagai pihak daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran. Kesemua pihak ini perlu menguruskan beratus-ratus jenis bahan dalam situasi kerja yang sangat berbeza. Dalam situasi ini, ketidakseragaman mungkin akan berlaku memandangkan mereka yang terlibat berinteraksi menggunakan medium yang berbeza.

12. Kesan daripada ketidakseragaman ini adalah kos untuk memperbetulkan sebarang kesilapan yang telah berlaku dan ia akan mengakibatkan peningkatan kos pembinaan. Di sinilah MyCESMM dapat memainkan peranan dengan menyediakan bahasa ukuran dan garis panduan yang seragam bagi semua pihak dalam projek pembinaan. Penggunaan MyCESMM sebagai kaedah pengukuran standard dapat mengelakkan dan mengurangkan tuntutan

atau pertikaian kontrak yang berpotensi wujud disebabkan terdapatnya percanggahan dalam senarai kuantiti.

13. MyCESMM juga mempunyai peranan strategik dalam menggalakkan sistem perolehan yang lebih adil dan efektif. Dengan menggunakan standard MyCESMM, kesemua skop kerja diterangkan dengan jelas dan seragam. Oleh yang demikian, setiap kontraktor yang memasuki tender projek akan mendapat maklumat dan pemahaman yang sama mengenai kerja-kerja yang perlu dilakukan. Ini sekaligus mampu mengurangkan atau melenyapkan ketidak pastian dalam penyediaan harga tender dan pemilihan kontraktor yang layak secara lebih adil dan telus.

Para hadirin sekalian,

14. Pada hari ini, kita akan dapat mendengar sendiri pandangan dan idea daripada para professional dalam pelbagai bidang industri pembinaan mengenai kebaikan menyeragamkan standard ukuran bahan menggunakan MyCESMM. Ini merupakan platform yang terbaik untuk semua penggiat industri bagi mendapatkan maklumat daripada pakar-pakar dalam industri pembinaan.

15. Oleh yang demikian, saya menggesa kesemua penggiat industri, terutamanya juru ukur bahan untuk menggunakan

standard MyCESMM dalam penyediaan senarai kuantiti atau BQ dalam kesemua projek Kerajaan mahupun swasta di masa akan datang. Di dalam pelan pelaksanaan CITP akan turut menasaskan agar kesemua projek Kerajaan menggunakan MYCESSM menjelang 2020. Saya amat berbangga kerana Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu agensi pelaksana projek-projek infrastruktur Kerajaan telahpun bersedia untuk menggunakan MYCESSM untuk semua projek di bawah kendalian mereka. Ini merupakan satu perkembangan yang baik dan mampu menjadi contoh kepada agensi dan syarikat swasta lain untuk turut serta menggunakan MYCESSM.

16. Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua organisasi yang akan menandatangani MoU pada hari. Manfaatkanlah sistem MYCESSM ini sepenuhnya untuk projek-projek kejuruteraan sivil yang akan dilaksanakan.

17. Dengan ucapan tersebut dan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan rasminya melancarkan Seminar Malaysian Civil Engineering Standard Method Of Measurement (MyCESMM).

Sekian, terima kasih.